

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN MANIVANAN A/L GOWINDASAMY
(KAPAR)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 11.06.2015

Y.B. TUAN MANIVANAN A/L GOWINDASAMY [KAPAR] minta

MENTERI KEWANGAN menyatakan:-

a. berapakah jumlah perolehan dan/atau kutipan cukai GST untuk setiap hari sejak ianya dilaksanakan pada 1 April 2015 sehingga 30 April 2015.

(jumlah secara satu per satu setiap hari);dan

b. sama ada Kerajaan akan mengecualikan kos pendidikan dan kos perubatan serta kos barangan bayi daripada cukai GST.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Jumlah GST yang dikutip untuk bulan April 2015 adalah sebanyak RM1.254 bilion iaitu merupakan GST import sahaja. Manakala bagi GST tempatan serta kutipan bersih hasil GST setelah ditolak dengan kredit cukai input belum dapat dimuktamadkan kerana penyata GST-03 bagi perniagaan di bawah tempoh bercukai bulanan akan hanya dikemukakan sebelum atau pada penghujung bulan berikutnya dan perniagaan yang mempunyai tempoh bercukai tiga bulan akan hanya mengemukakan penyata GST-03 pada atau sebelum akhir bulan berikutnya. Sehubungan dengan itu, kutipan hasil GST bagi kedua-dua tempoh bercukai bagi bulan April, Mei dan Jun hanya akan dapat dimuktamadkan selepas 31 Julai 2015.

Untuk makluman Yang Berhormat, perkhidmatan pendidikan adalah dikecualikan daripada GST di bawah Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pembekalan Dikecualikan) 2014. Ianya terdiri daripada pendidikan pra sekolah, sekolah rendah, sekolah menengah dan pendidikan tinggi yang disediakan oleh sekolah swasta, sekolah antarabangsa, sekolah agama negeri, institusi pendidikan tinggi swasta

dan institusi pendidikan tinggi awam serta pusat bertauliah berdaftar yang menyediakan pendidikan teknikal dan vokasional. Penyedia perkhidmatan pendidikan hendaklah berdaftar di bawah Akta yang berkaitan ataupun dengan pihak Kementerian Pendidikan. Perkhidmatan pendidikan yang dikecualikan dari GST adalah termasuk bahan kursus, rombongan atau lawatan lapangan, penyediaan makanan dan penginapan, pengangkutan pelajar, dan perkhidmatan peperiksaan.

Selain itu, perkhidmatan jagaan kesihatan yang disediakan oleh kemudahan jagaan kesihatan (klinik, hospital, pusat rawatan dialisis dan seumpamanya) yang didaftarkan atau dilesenkan di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 adalah dikecualikan dari GST. Ini bermaksud hospital atau klinik tidak akan mengenakan GST ke atas perkhidmatan kesihatan yang diberikan kepada pesakit. Walau bagaimanapun, GST pada kadar 6% dikenakan ke atas caj rawatan atau perkhidmatan rundingan yang diberikan oleh doktor bebas (*independent doctor*). Pengenaan GST ini adalah tertakluk kepada samada doktor tersebut berdaftar di bawah GST atau sebaliknya.

Untuk makluman Yang Berhormat, sebelum pelaksanaan GST pada 1 April 2015, barangan keperluan bayi seperti pakaian bayi dan lampin pakai buang adalah dikenakan cukai jualan pada kadar 10 peratus. Setelah GST dilaksanakan, kadar GST ke atas barang-barang tersebut menjadi enam peratus sahaja. Kerajaan juga telah menetapkan GST pada kadar sifar ke atas susu formula bayi bagi kategori umur 0 sehingga 36 bulan yang meliputi semua jenis perisa. Model GST yang dilaksanakan di Malaysia telahpun mengambil kira corak perbelanjaan (*consumption pattern*) rakyat bagi kesemua golongan termasuklah golongan berpendapatan rendah dan ianya adalah bersifat progresif di mana sebahagian besar perbelanjaan golongan berpendapatan rendah adalah ke atas barangan berkadar sifar atau perkhidmatan yang dikecualikan GST.